

# Dasar luar negara alami perubahan di zaman Mahathir

17 MAR 1990

Oleh MURUGESU  
PATHMANATHAN  
(Universiti Malaya)

SEJAK Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil alih teraju negara pada dekad yang lalu, Malaysia melalui pelbagai perubahan besar dan ketara dalam hubungannya dengan masyarakat dunia.

Walaupun pada umumnya dasar luar Malaysia selari dengan dasar yang dibuat pada tahun 70-an, ramai pemerhati berpendapat ada beberapa perkembangan penting yang ketara dalam dasar luar negara hasil kepemimpinan beliau.

Perubahan ini ketara jika kita bandingkan kandungan dasar luar Malaysia dengan apa yang ada dalam dasar luar negara Asean lain. Pertemuan Dr Mahathir selaku Pengerusi Komanwel dengan Nelson Mandela dan lawatan Presiden Yasser Arafat ke Malaysia baru-baru ini menggambarkan secara simbolik perubahan ke atas penekanan dasar luar negara.

Sejak 1981, Malaysia mengambil pendirian tegas mengenai beberapa isu yang secara langsung membuka mata dunia kepada Malaysia.

bitannya dalam menyuarakan isu yang dihadapi oleh negara Dunia Ketiga. Perbezaan di antara beliau dan pemimpin Asean lain pula boleh dilihat di segi penyertaannya dalam isu Afrika dan pembangunan negara Dunia Ketiga. Kerjasama Selatan-Selatan adalah satu contoh yang jelas. 'The South Commission', sebuah pertubuhan di mana Malaysia memainkan fungsi utama dalam penubuhannya, buat masa ini diketuai oleh Julius Nyerere, bekas Presiden Tanzania.

Pembabitannya yang cergas dalam diplomasi antarabangsa dan serantau menaikkan imej Malaysia sebagai salah sebuah negara yang dinamik dalam sistem politik antarabangsa. Pembabitan yang dimaksudkan, termasuk Persidangan Antarabangsa Mengenai Dadah (Jun 1987) telah dipengerusikan oleh Perdana Menteri, perlantikan Malaysia sebagai ahli Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Persidangan Agung Unesco yang dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim, Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) pada Oktober 1989 dan seterusnya pembabitan Malaysia

Pepatah yang mengatakan bahawa 'persahabatan baru perlu dicari, kawan lama tidak wajar dilupakan' ternyata benar dalam dasar luar Malaysia. Asas yang dijadikan panduan dalam pelaksanaan dasar luar negara pada masa lampau semuanya masih dikekalkan, seperti kerjasama serantau Asean, pembabitan Malaysia untuk mengukuhkan lagi masyarakat Islam sedunia melalui OIC dan sokongannya terhadap Komanwel. Asean menjadi satu forum yang penting di mana melalui forum itu Malaysia berusaha melanjutkan lagi kerjasama di bidang ekonomi serantau dan untuk mencari jalan penyelesaian terhadap tragedi yang sedang menimpa Kemboja.

Dalam dunia Islam, Malaysia menjalin persahabatan yang erat dengan ahli 'Islamic Community' walaupun ada pertelingkahan yang ketara antara beberapa ahli.

Mengenai isu Palestin dan perjuangan rakyatnya, komitmen Malaysia adalah teguh, jelas dan berterusan. Buktinya ternyata jelas sekali sewaktu lawatan Presiden Yasser Arafat ke Malaysia baru-baru ini. Beliau menyampaikan

Penyertaan Malaysia di dalam Pergerakan Berkecuali, penyertaan aktifnya dalam usaha mencari keamanan (di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu), pendiriannya yang tegas dan tidak teragak-agak mengenai isu Afrika Selatan dan sistem apartheid, cadangannya untuk mewujudkan pemerintahan bercorak antarabangsa ke atas benua Antartika dan juga pendiriannya yang tegas mengenai 'perdagangan' najis dadah di peringkat antarabangsa — adalah isu yang menaikkan nama negara di kalangan masyarakat dunia, termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pergerakan Berkecuali dan Komanwel, Asean dan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC).

Sebahagian besar adalah kerana komitmen peribadi, minat dan pembabitan terus Perdana Menteri dalam pelbagai isu penting di peringkat antarabangsa. Ini bukan sesuatu yang luar biasa. Sudah menjadi tradisi di Malaysia bahawa Perdana Menteri mempunyai minat yang mendalam terhadap hal-ehwal antarabangsa. Mereka yang dimaksudkan termasuklah Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn.

Pada suatu ketika, Tunku pernah dilaporkan berkata bahawa beliau lebih gembira jika beliau sendiri menjadi Menteri Luar. Ini adalah ciri yang juga dimiliki oleh ramai pemimpin negara Dunia Ketiga.

Apa yang membezakan Dr Mahathir daripada pemimpin masa lalu adalah takat pemba-

dalam kegiatan mengekalkan keamanan di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, sebagai contohnya UNTAG (United Nations Transition Group in Namibia) dan UNIMOG (United Nations Mission Observer Group).

Fungsi utama ini, yang boleh dianggap sebagai berjaya, banyak dibantu oleh kepimpinan politik yang ada sekarang serta diplomat dan pegawai tadbir di Kementerian Luar Negeri dan agensi kerajaan lain yang cekap dan dilatih dengan baik. Mereka adalah individu yang terbabit secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan dasar luar negara. Malaysia sungguh bertuah kerana mempunyai diplomat yang cekap dan dilatih dengan baik. Malaysia mempunyai beberapa menteri yang amat berkebolehan di Kementerian Luar Negeri yang menyelia polisi serta operasi harian kedutaan Malaysia di luar negara.

Dalam usahanya memberikan penekanan baru terhadap isu yang dihadapi oleh Dunia Ketiga, Datuk Seri Dr Mahathir menunjukkan keupayaannya melahirkan pandangan jangka masa panjang berkenaan dengan masalah yang dihadapi oleh negara membangun dan kebolehannya mencari jalan penyelesaian yang munasabah. Ramai pemerhati menganggap pandangan Perdana Menteri mengenai isu perdagangan antarabangsa dan pembangunan ekonomi negara sebagai praktikal.

penghargaannya yang amat mendalam terhadap sokongan kuat Malaysia yang berterusan terhadap perjuangan rakyat Palestin.

Penyertaan Malaysia dalam hal-ehwal Komanwel pada peringkat awal pemerintahan Datuk Seri Dr Mahathir adalah tidak menentu. Tetapi, lama kelamaan, pentadibrannya mula berjaya menjalin hubungan yang lebih rapat dan jujur di antara Malaysia dan pertubuhan Komanwel. CHOGM adalah satu contoh yang jelas mengenai komitmen Perdana Menteri terhadap cita-cita dan impian Komanwel. Ketua-ketua kerajaan Komanwel mencapai kata sepakat melahirkan rasa penghargaan mereka ke atas keupayaan kerajaan Malaysia melalui pimpinan Dr Mahathir mengendalikan perjumpaan penting itu.

Perdana Menteri sendiri mempunyai minat mendalam terhadap perancangan mengendalikan mesyuarat rasmi itu. Sebagai seorang pemimpin yang baru saja menjalani pembedahan enam bulan sebelumnya, keupayaan Datuk Seri Dr Mahathir mengendalikan mesyuarat itu dengan jayanya, adalah sesuatu yang amat membanggakan.

Sejak 1981, kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir membawa Malaysia ke satu tahap di mana negara dapat berkecimpung dengan lebih cergas dalam arena politik antarabangsa. Malaysia hari ini adalah pejuang utama kepentingan negara membangun dan pembela hak asasi manusia.